

Orang muda

UM 23 JUN 2002

KUALA LUMPUR 22 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad gembira kerana semua pihak termasuk golongan muda kembali bersemangat menyertai UMNO dan sedar betapa pentingnya menjayakan perjuangan parti itu.

Perdana Menteri berkata ini dapat dilihat daripada kehadiran begitu ramai ahli UMNO dan perwakilan pada Perhimpunan Agung UMNO kali ini.

Yang menarik, katanya, ialah kehadiran golongan muda terutama beliawanis dan ahli-ahli Puteri UMNO yang mungkin sudah menjadi ahli atau belum menyertai pergerakan itu.

Sehubungan itu, beliau bersyukur kerana perhimpunan itu mendapat perhatian luar biasa dari ahli-ahli UMNO walaupun tidak ada pemilihan parti pada tahun ini.

“Saya berpendapat bahawa kehadiran dalam perhimpunan agung kali ini jauh lebih besar dari yang biasa.

“Walaupun tidak ada pemilihan, jumlah yang hadir begitu ramai dan mereka bukan sahaja berada di dalam dewan, di tingkat bawah semuanya penuh sesak dengan ahli-ahli UMNO,” ujarnya semasa menggulung perbincangan pada hari terakhir Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Putra (PWTC), hari ini.

Sebanyak 2,033 perwakilan UMNO menghadiri perhimpunan tiga hari itu, bermula Khamis lalu.

Presiden UMNO itu berkata, kini nampak jelas bahawa semangat UMNO sudah pulih dengan kuatnya.

“Kita sudah ada barisan pelapis daripada generasi muda, daripada pemuda dan juga puteri, mereka yang akan menggantikan kita,” ujarnya.

Dr. Mahathir bimbang jika ahli UMNO membawa parti itu bersama-sama dengan mereka bila menjadi tua dan kemudian meninggal dunia maka tidak ada orang yang akan menggantikannya.

“Tetapi sekarang ini kita yakin walaupun golongan tua

kembali ke UMNO

ini terpaksa memisah diri daripada UMNO dan terpaksa lah akhirnya kembali ke rahmatullah, UMNO dapat diteruskan juga,” katanya.

Menurutnya, Puteri UMNO yang terdiri daripada golongan muda dan terpelajar akan diberi tugas berkaitan penggunaan komputer, membuat analisis dan memberi maklumat kepada bahagian dan pengundi semasa pilihan raya.

Beliau juga gembira kerana sikap sebahagian besar pegawai dan kakitangan kerajaan berubah dengan ketara dan kembali memberi sokongan kepada kerajaan.

“Saya tidak khuatir dalam pilihan raya akan datang mereka akan kembali memberi sokongan, kerjasama dan menjayakan segala dasar-dasar kerajaan,” ujarnya.

Dr. Mahathir juga mengingatkan bahawa walaupun ahli UMNO berjumlah 2.8 juta orang tetapi sokongan daripada bukan ahli UMNO juga penting bagi menentukan kemenangan calon-calon UMNO dalam pilihan raya.

“Kita hanya boleh menang jika orang yang bukan menjadi ahli UMNO memberi undi mereka kepada kita, kalau mereka anggap kita sebagai sebuah parti yang mendirikan kerajaan yang bertimbang rasa yang tidak menzalimi sesiapa.

“Sebab itu kita harus jaga hati orang bukan sahaja yang ada dalam parti kita tetapi yang berada di luar parti dan yang terpenting ialah pegawai kerajaan dan kakitangan awam kerana merekalah yang akan melaksanakan dasar yang kita rancangkan,” ujarnya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, pendekatan berbeza yang digunakan oleh Malaysia dalam menangani pelbagai perkara banyak membawa kejayaan kepada negara.

“Inilah negara kita yang kita urus dengan cara kita sendiri bukan dengan meniru sesiapa. Bukan meniru ideologi mana-mana pihak atau terikat dengan sesuatu ideologi sehingga tidak dapat bergerak,” tegasnya.